

“Kempen ini adalah amat penting bagi kita semua kerana kejayaannya akan dapat membantu aspirasi kita menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur, maju dan ‘resilient’. Saya amat gembira kerana Kempen ini adalah diusahakan secara usaha sama antara agensi-agensi kerajaan, firma-firma swasta dan pertubuhan sukarela.”



“Sistem percukaian di negara ini berkemungkinan akan ditukar untuk memastikan peningkatan penggunaan produk tempatan. Sikap rakyat yang memandang rendah produk negara turut menjadi faktor dan beberapa polisi kerajaan masa ini juga lebih menggalakkan import berbanding eksport.”
 Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Muhammad

“Saya ingin mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama menyokong Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia. Produk Malaysia sememangnya setanding dengan produk import daripada segi mutu, kualiti dan reka bentuk serta yang pasti, harganya lebih kompetitif dan menjimatkan.”



Timbalan Perdana Menteri,
 Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail

Kerajaan sentiasa menyokong pengusaha tempatan untuk menghasilkan produk Malaysia yang bermutu tinggi menepati standard dunia melalui pelbagai skim insentif, program pembangunan perniagaan dan promosi. Ini terbukti dengan banyaknya produk kita yang dieksport ke merata dunia.

Jika tuan-puan membeli produk Malaysia, ketahuilah tuan-puan telah menyumbang dalam merangsang pertumbuhan ekonomi domestik di samping membantu pengusaha tempatan meluaskan jaringan pemasaran produk kita dan menaikkan nama Malaysia di persada dunia.

Ayuh! Istarikan rasa cinta dan utamakan produk Malaysia. Kalau tidak kita, siapa lagi?

“Fokus kita ialah untuk memperoleh kehidupan harmoni dan memakmurkan negara, maka kita perlu dukungan semua pihak. Dalam konteks negara ini, apa yang patut kita dahulukan adalah kempen beli barangan buatan Malaysia.”

“Hanya 40 peratus rakyat negara ini membeli barangan buatan Malaysia dan ia menunjukkan jumlah pembelian yang masih rendah meskipun ramai tahu tentang kempen beli barangan Malaysia. Tetapi tahap komitmen rakyat untuk membeli barangan buatan Malaysia sebanyak 41 peratus sahaja.”

“Dorongan untuk membeli kurang. Orang ramai perlu mengikis tanggapan bahawa barangan buatan Malaysia adalah kurang berkualiti. Terdapat banyak produk tempatan berjaya melepasi pasaran antarabangsa setiap tahun, malah, industri pengeluaran menyumbang sekitar 28 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) negara.”
 Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
 Chong Chieng Jen



“Pengguna disaran mengutamakan barangan buatan Malaysia berbanding hanya membeli produk pihak tertentu. Tindakan segelintir pihak memboikot barangan keluaran bukan Bumiputera dan bertukar kepada mengutamakan produk Muslim, adalah dalam tujuan sama.”



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
 Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail

#barangbaikbarangkita